



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT BURUH KEBANGSAAN (NLAC) BIL. 1/2025

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia pada 17 Julai 2025. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Kerajaan, wakil Majikan dan wakil Pekerja selaras dengan keanggotaan baharu NLAC yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2025 hingga 30 April 2027.

Pada mesyuarat hari ini, KESUMA telah berkongsi maklumat berkaitan dasar, program, inisiatif serta perkembangan semasa pasaran buruh termasuk penglibatan kementerian di peringkat antarabangsa. Mesyuarat NLAC turut membentangkan beberapa kertas kerja yang merangkumi Garis Cadangan untuk Meningkatkan Kadar Sewa atau Caj Maksimum bagi Penginapan yang Disediakan oleh Majikan atau Penyedia Penginapan Berpusat, Reformasi Perundangan Perburuhan Malaysia: Pencapaian dan Hala Tuju Strategik KESUMA serta Semakan Tatacara Keharmonian Perusahaan (*Code of Conduct for Industrial Harmony*).

Kejayaan penganjuran mesyuarat ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkuat platform tripartit antara Kerajaan, majikan dan pekerja bagi membincang serta mendapatkan nasihat dan pandangan bersama berkaitan dasar, undang-undang dan amalan pekerjaan. Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif KESUMA untuk menangani isu-isu perburuhan secara inklusif ke arah memperbaiki keadaan pekerjaan, memantapkan amalan pekerjaan dan seterusnya meningkatkan produktiviti negara.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
17 JULAI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	